



Anggota polis dan tentera menjaga laluan keluar masuk di kawasan Pasar Jalan Othman, Petaling Jaya, semalam.

(Foto BERNAMA)



Pemantauan dan pemeriksaan di kawasan PKPD Pasar Jalan Othman, Petaling Jaya turut dibantu dron oleh Unit Teknikal PDRM, semalam.

(Foto ihsan PDRM)

Dron pantau saringan PKPD Jalan Othman

Mudah awasi pergerakan penduduk, beri peringatan melalui pembesar suara

Petaling Jaya: Pemantauan dan pemeriksaan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Pasar Jalan Othman, di sini, turut dibantu dengan penggunaan dron oleh Unit Teknikal, Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pemantauan melalui dron ini dapat membantu tinjauan secara keseluruhan pemeriksaan ke atas setiap premis di kawasan berkenaan dari udara.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Nik Ezanee Mohd Faisal, berkata ketika rakaman secara langsung dilakukan, beliau bersama Pegawai Daerah Petaling dan Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, dapat melihat tugas pemeriksaan di lapangan dalam kawasan PKPD.

"Daripada rakaman ini kita dapat merancang atau menambah-baik sebarang proses pemeriksaan yang dibuat oleh pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

"Malah, sebarang aktiviti atau pergerakan penduduk dalam kawasan PKPD juga mudah diawasi dan akan diberi peringatan me-

lalui pembesar suara pada dron berkenaan," katanya ketika ditemui di Pasar Jalan Othman, semalam.

Terdahulu, Nik Ezanee bersama pegawai daerah dan pegawai kanan MBPJ meninjau proses pemeriksaan saringan kesihatan ke atas sebuah rumah dan berkomunikasi menggunakan set walkie-talkie.

Beliau berkata, penggunaan dron juga dapat mengurangkan risiko jangkitan terhadap petugas barisan hadapan yang memperoleh maklumat diperlukan secara langsung di antara pusat operasi yang diwujudkan di luar kawasan PKPD dan pasukan pemeriksa saringan di dalam kawasan PKPD.

Setakat ini, katanya, seramai 2,192 penduduk sudah disaring membatikan ketiga-tiga zon iaitu Zon A, Zon B dan Zon C di Pasar Jalan Othman, Petaling Jaya.

Daripada jumlah itu 494 individu adalah warga asing.

Dalam pada itu, Nik Ezanee berkata, polis akan memecah masuk mana-mana kediaman di kawasan PKPD Jalan Othman, di sini, yang belum diperiksa bagi memastikan rumah itu benar-benar kosong.



Nik Ezanee (kanan) sedang meneliti rakaman secara langsung melalui dron.

Katanya, proses memecah masuk kediaman berkenaan sudah dibuat sejak hari pertama PKPD dilaksanakan di kawasan itu pada 10 Mei lalu.

Beliau berkata, langkah itu bagi memastikan semua individu yang berada dalam kawasan PKPD itu disaring dan diperiksa.

"Setakat ini, kita sudah mengesan ada beberapa rumah di Zon

A dan Zon B yang kosong dan pegawai serta anggota polis akan memecah masuk kediaman berkenaan kerana kita nak betul-betul sahkan rumah itu kosong.

"Kita juga akan membuat laporan berhubung tindakan pecah masuk rumah berkenaan untuk sebarang proses susulan selepas PKPD berakhir 23 Mei ini," katanya.

Beliau berkata, setakat ini hampir semua penduduk di ketiga-tiga zon PKPD Pasar Jalan Othman, Petaling Jaya, sudah disaring oleh kakitangan KKM.

"Jadi tumpuan susulan kita adalah mengesan mana-mana individu yang masih belum disaring dan diperiksa, itu yang menjadi keutamaan kita pada masa ini dalam mengekang dan menyekat penularan COVID-19," katanya.

Mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di keseluruhan daerah Petaling Jaya, Nik Ezanee, berkata pada masa ini beliau amat berpuas hati dengan kesedaran yang ditunjukkan oleh penduduk dan masyarakat di daerah berkenaan.

Daripada rakaman ini kita dapat merancang atau menambah-baik sebarang proses pemeriksaan yang dibuat oleh pegawai dan kakitangan KKM, PDRM dan APM.

**Nik Ezanee Mohd Faisal,
Ketua Polis
Daerah Petaling Jaya**